

Kuala Lumpur

Getir ekonomi tak jejas projek MRT

Pelaksanaan projek Mass Rapid Transit (MRT) Laluan Kedua akan diteruskan walaupun negara kini menghadapi cabaran ekonomi global yang menjejaskan bajet kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan akan meneruskan usaha memartabatkan sistem pengangkutan awam negara demi kemudahan dan keselesaan rakyat.

“Ini jelas sekali menunjukkan Malaysia bukan sebuah negara gagal seperti dituduh oleh sebilangan ahli politik tertentu dan kerajaan tidak menghadapi krisis kewangan.

“Ini membuktikan kerajaan mengutamakan inisiatif tertentu dalam rancangan pembangunan negara dan saya tegaskan sekali lagi bahawa kita akan terus berbelanja hanya secara berhemah dan patut, terutama dalam projek yang berpaksikan rakyat seperti infrastruktur dan pengangkutan,” katanya dalam catatan di blog rasminya, semalam selepas mempengerusikan perbincangan perolehan berkaitan pembinaan MRT Laluan Kedua.